

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

The Fresh Meat Shop (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Sandakan, Sabah bagi satu pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menggunakan elektrik, iaitu dengan memutuskan kabel CT Coil fasa kuning meter elektrik milik SESB. Pada 11 Mac 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan Mahkamah Sesyen Sandakan telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 jika gagal bayar, 6 bulan penjara. OKS telah membayar denda tersebut.